PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 17(1) Jun. 2013 (29-38)

Penguasaan Kosa Kata dan Kemampuan Membina Ayat Bahasa Thai

Norizan Che Su, Zaitul Azma Zainon Hamzah
zan@fbmk.upm.edu.my, zazh@upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak
Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan kosa kata dan kemampuan membina ayat bahasa Thai oleh pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM). Seramai 41 orang pelajar yang mengikuti Kursus Kemahiran Bahasa Thai Tahap Satu telah dipilih sebagai sampel menggunakan teknik persampelan bertujuan. Alat kajian merupakan soalan Peperiksaan Akhir BBT (Bahagian III dan Bahagian IV). Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis kesilapan. Hasil kajian mendapati pelajar dapat menguasai kosa kata dan mampu membina ayat bahasa Thai dengan menggunakan struktur tatabahasa yang betul. Selain itu, struktur bahasa pertama pelajar turut mempengaruhi pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing di Universiti Putra Malaysia.

Kata kunci: penguasaan, kosa kata, ayat bahasa Thai

Abstract
This study was conducted to identify the vocabulary mastery and ability to construct sentences Thai language by students of Universiti Putra Malaysia (UPM). A total of 41 students who attended the Thai Language Proficiency Course Level One has been selected as the sample using purposive sampling technique. A research tool BBT Final Exam questions (Part III and Part IV). Data were analyzed using error analysis approach. The study found that students can master the vocabulary and can construct Thai sentences using correct grammar structure. In addition, the structure of the first language students also affects language-learning Thai as a foreign language at the Universiti Putra Malaysia.

Keywords: mastery, vocabulary, sentence Thai

1. Pengenalan

Mempelajari sesuatu bahasa asing membolehkan seseorang meneroka pemikiran dan kandungan budaya melalui bahasa asing yang dipelajari itu. Selain itu, pelajar yang mempelajari bahasa asing juga berkeupayaan untuk berkomunikasi dalam bahasa asing itu bagi merapatkan jurang antara budaya, dapat menyumbang kepada diplomasi antarabangsa, dan berkeupayaan untuk melibatkan diri dalam perdagangan antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, dalam pembelajaran bahasa asing, pengetahuan kosa kata amat penting untuk membolehkan seeorang itu berkomunikasi dengan lancar sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Menurut John Morgan dan Mario Rinvolucri (1990:3) penguasaan kosa kata amat penting bagi setiap pelajar yang mempelajari bahasa asing. Dengan kata lain, penguasaan bahasa asing terletak kepada penguasaan kosa kata (Rosni, 2009).Penguasaan kosa kata yang cemerlang dapat memberikan kesan positif kepada kefahaman dalam bacaan, fasih dan lancar dalam komunikasi dengan penutur asing (Wang,C,2009) dan mampu membina ayat dengan struktur yang betul.

Sementara itu, penguasaan kosa kata atau perbendaharaan kata adalah salah satu aspek bahasa yang amat penting untuk dipelajari kerana penguasaan kosa kata ini dapat menentukan penguasaan pelajar akan kemahiran bahasa yang meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, (Abd Aziz, 2000). Oleh itu, para pelajar perlulah mengetahui makna dan erti perkataan dalam bahasa asing yang dipelajari supaya mesej dapat

disampaikan dengan jelas dan berkesan. Hal ini bertujuan untuk memberikan kemampuan kepada pelajar untuk memahami dan 'melangkah masuk' dalam minda dan konteks budaya asing yang lain. Tanpa keupayaan menguasai makna kosa kata asing dengan tepat, akan timbul halangan kepada pelajar untuk berkomunikasi dan memahami budaya asing melalui bahasa asing yang dipelajari.

Menurut Yahya Othman, (2005), penguasaan bahasa bermaksud pelajar perlu memiliki sejumlah kosa kata bahasa yang dipelajari agar mereka mampu menggambarkan idea atau mesej yang ingin disampaikan, termasuk dalam aktiviti lisan dan penulisan. Dengan itu, usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar adalah berkait rapat dengan proses pengajaran bahasa itu. Tegasnya, penguasaan kosa kata itu dalam pembelajaran bahasa pertama, bahasa kedua ataupun bahasa asing. Kelemahan menguasai kosa kata adalah antara masalah besar yang perlu ditangani dengan teliti.

Selain itu, penguasaan kosa kata yang meluas akan menjadi salah satu aspek yang penting dalam pemerolehan bahasa, kerana semakin banyak kosa kata diperoleh dan dikuasai oleh seseorang itu, semakin berkemampuan dan berkeupayaan seseorang itu dalam mengungkapkan perkara yang hendak diungkapkannya dengan berkesan dan meyakinkan. Menurut Mohamad Ziyad bin Mukhtar dan Izuddin bin Muhammed (2012), percakapan dalam bahasa asing tidak akan tercapai melainkan wujudnya kosa kata yang mencukupi semasa berinteraksi dan sebagainya. Perkataan tersebut perlulah dihafal dan diingati cara penggunaannya bagi tujuan memperkayakan kota kasa.

2. Kajian Lepas

Kajian Mohamad Ziyad bin Mukhtar dan Izuddin bin Muhammed (2012), yang bertajuk "Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar PPISMP GSTT-PAI: Satu Kajian Kes" memberi tumpuan terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangam pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, Sabah. Data kajian Mohamad Ziyad bin Mukhtar dan Izuddin bin Muhammed (2012), dikumpul menggunakan soal selidik. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab oleh pelajar PPISMP GSTT-PAI adalah pada tahap sederhana. Manakala tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab adalah pada tahap rendah sehingga menyebabkan pelajar tidak mampu bertutur dengan baik, sekali gus mengganggu keberkesanan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Kajian seterusnya adalah kajian yang dijalankan oleh Solahuddin Samaun dan Hasnida Samaun (2010) yang bertajuk *Penguasaan Bahasa Melayu di Sekolah Agama Rakyat: Kajian Kes di Satun, Thailand.* Tujuan kajian Solahuddin Samaun dan Hasnida Samaun (2010) adalah untuk melihat tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Sekolah Agama dari aspek morfologi, sintaksis, kefahaman berbahasa dan kecekapan berbahasa. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan sistem SPSS melalui Analisis Varian (ANOVA). Dapatan kajian mereka mendapati bahawa para pelajar menghadapi masalah dalam menguasai aspek morfologi, sintaksis, kefahaman berbahasa dan kecekapan berbahasa dalam bahasa Melayu. Masalah ini timbul disebabkan para pelajar tidak mempunyai inisiatif untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka dengan baik. Selain itu, sikap memandang remeh dan tidak mementingkan bahasa Melayu menyebabkan tahap penguasaan mereka lemah.

Seterusnya, kajian Mohd Fauzi Hj. Kamarudin et al. (2008) yang bertajuk "Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris di Kalangan Staf Akademik di sebuah Universiti Teknikal" dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap penguasaan bahasa Inggeris Staf Akademik dan kesalahan yang dilakukan oleh mereka dalam usaha untuk memartabatkan sesebuah universiti itu menjadi sebuah universiti yang disegani di peringkat tempatan dan global. Tahap penguasaan bahasa Inggeris ini diukur dengan menggunakan kertas ujian yang mempunyai dua soalan, iaitu *Summary Writing* dan *Essay Writing*. Dapatan kajian mereka mendapati bahawa terdapat beberapa jenis kesilapan yang dilakukan. Antaranya ialah kata kerja *(verb*), tanda baca (*punctuation*), *lexicon, syntax*, kata arah (*prepositions*) dan *articles*
(penggunaan *a, an,* dan *the*). Justeru, kajian yang dijalankan oleh mereka telah memberi gambaran secara umum tentang tahap penguasaan bahasa Inggeris staf akademik kepada pihak pentadbiran tinggi UTeM.

Kajian Nik Rosila Nik Yaacob, (2007) yang bertajuk "Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam" dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara

penguasaan Jawi dengan pencapaian dan minat pelajar dalam Pendidikan Islam. Dua kaedah yang telah digunakan oleh beliau ialah ujian penguasaan jawi yang merangkumi kemahiran menulis dan mengeja jawi, kemahiran menjawab soalan aneka pilihan, kemahiran menulis soalan esei dan kemahiran menulis ayat al-Quran. Kaedah kedua adalah dengan menjalankan soal selidik yang merangkumi latar belakang pelajar, minat pelajar, pencapaian pelajar dan cara pelajar belajar pendidikan Islam dan cara guru mengajar Pendidikan Islam. Untuk mencapai objektif ini beliau telah menggunakan teori pembelajaran yang dikemukakan oleh Bloom (1976) yang menggabungkan tiga pemboleh ubah utama, iaitu ciri-ciri pelajar, pengajaran guru dan hasil pembelajaran. Hasil kajian beliau mendapati bahawa penguasaan pelajar adalah lemah terutamanya dalam aspek yang diuji, terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan jawi dan pencapaian pelajar dalam pendidikan Islam. Beliau menegaskan supaya guru Pendidikan Islam menggunakan kedua bahan tulisan Rumi dan Jawi dalam pengajaran agar kelemahan pelajar ini dapat ditangani.

Bertitik tolak dari sini, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata bahasa Thai dan kemampuan pelajar membina ayat bahasa Thai dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM).


3. Metodologi

Dalam kajian ini seramai 41 orang pelajar yang mengikuti Kursus Kemahiran Bahasa Thai Tahap Satu (BBT2401) telah dipilih sebagai sampel kajian. Bahan yang digunakan dalam kajian ini ialah kertas peperiksaan akhir Bahasa Thai (Semester Kedua, Sesi 2009/2010). Kertas peperiksaan ini mempunyai empat bahagian, iaitu Bahagian Satu, pelajar dikehendaki menjawab lima soalan berdasarkan petikan yang disediakan. Bahagian Dua pelajar dikehendaki mengisi tempat kosong bagi 10 item yang diuji, Bahagian Tiga, pelajar dikehendaki menyusun perkataan menjadi ayat yang betul strukturnya ke dalam bahasa Thai dan Bahagian Empat pula pelajar dikehendaki memilih lima perkataan daripada lapan perkataan yang diberikan, kemudian membina ayat yang lengkap berdasarkan kelima-lima perkataan yang dipilih. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokus kepada Bahagian Tiga dan Bahagian Empat bagi menjelaskan sejauh mana penguasaan kosa kata dapat membantu dan meningkatkan kemampuan pelajar dalam membina ayat yang betul strukturnya dalam bahasa Thai.

Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji ialah pendekatan analisis kesilapan. Daripada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam membina ayat bahasa Thai dapat menunjukkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Thai.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Daripada kajian yang dijalankan, didapati pada Bahagian Tiga pelajar dapat menguasai kosa kata dari segi ejaan, maksud, dan susunan perkataan menjadi ayat yang betul struktur dalam bahasa Thai dengan baik, begitu juga dengan Bahagian Empat pelajar dapat menguasai kosa kata dari segi ejaan, maksud, dan mampu membina ayat dengan betul struktur dalam bahasa Thai dengan baik. Tahap penguasaan kosa kata dan kemampuan pelajar menyusun perkataan menjadi ayat yang betul strukturnya dapat dilihat dalam Rajah 1, yang berikut:



Rajah 1: Jumlah Soalan dan Kesalahan yang Dilakukan oleh Pelajar

Daripada Rajah 1 di atas didapati pelajar dapat menguasai kosa kata dan mampu menyusun perkataan menjadi ayat bahasa Thai yang betul strukturnya, iaitu sebanyak 87.80 % bagi soalan satu. Hal ini terbukti dalam ayat di bawah:

๑. คน /ลินดา /คุณแม่ /เป็น /ใช่ไหม /อเมริกัน

คุณแม่ลินดาเป็นคนอเมริกันใช่ไหม

(Adakah emak Linda orang Amerika?)

Bagi soalan kelima iaitu sebanyak 80.49 % pelajar yang mampu menyusun perkataan menjadi ayat yang betul strukturnya. Contoh ayat adalah seperti yang berikut:

๕. เยอรมัน /เป็น /หรือ / คน /คุณพ่อ /ตัน เว ลิม/

คุณพ่อ ตัน เว ลิม เป็นคนเยอรมันหรือ

(Adakah bapa Tan Wei Lim orang Jerman?)

Manakala soalan kedua, iaitu sebanyak 75.61 % pelajar yang mampu menyusun perkataan menjadi ayat yang betul strukturnya seperti dalam ayat di bawah:

๒. พูด / ภาษาไทย / จีน / ยีลิน / คน / เป็น / แต่ / ได้

ยีลินเป็นคนจีนแต่พูดภาษาไทยได้

(Yee Lin ialah orang Cina tetapi boleh bercakap bahasa Thai.)

Walaupun, hasil kajian mendapati terdapat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, namun kesalahan yang dilakukan pelajar ini tidak bermaksud pelajar itu tidak menguasai kosa kata sebaliknya kesalahan itu berlaku kerana pelajar terpengaruh dengan ayat bahasa Melayu. Akibat terpengaruh dengan struktur bahasa Melayu, penyusunan kosa kata mengikut struktur ayat dalam bahasa Melayu dilakukan oleh pelajar dalam penulisan ayat bahasa Thai. Hal ini dibuktikan daripada Rajah 1, iaitu sebanyak 56.1 % kesalahan yang dilakukan dalam soalan keempat seperti di bawah:

๔. ไม่ใช่ / ฝรั่งเศส / อาจารย์ / คนนั้น /ภาษา / คนฝรั่งเศส /เป็น

คนนั้นอาจารย์ภาษาฝรั่งเศสไม่ใช่เป็นคนฝรั่งเศส

(Pensyarah bahasa Perancis itu bukan orang Perancis)

Bagi soalan empat, terdapat perbezaan dari segi kedudukan penjodoh bilangan (penjodoh bilangan adalah penerang penentu). Dalam bahasa Melayu, penjodoh bilangan diletakkan sebelum kata nama yang dirujuk (penentu hadapan) tetapi dalam bahasa Thai, penggunaan penjodoh bilangan iaitu perkataan 'khon nân' (คนนั้น) yang bermaksud 'seorang itu' mesti diletakkan selepas subjek atau kata nama yang dirujuk. Penggunaan penjodoh bilangan adalah perlu dalam ayat bahasa Thai. Tanpa penjodoh bilangan, ayat bahasa Thai dianggap tidak gramatis, seperti ayat di bawah.

TR:	a: ca:n pha:săː fràng sè:t	khon nán	mâi châi	pen	khon fràng sè:t
BT:	อาจารย์ภาษาฝรั่งเศส	คนนั้น	ไม่ใช่	เป็น	คนฝรั่งเศส
TBM:	Pensyarah bahasa Perancis	seorang itu	bukan	ialah	orang Perancis
BMS:	Pensyarah bahasa Perancis itu bukan orang Perancis.				

Selanjutnya, sebanyak 39.02 % kesalahan dilakukan dalam soalan ketiga yang melibatkan penggunaan kata penguat 'sangat', /mâ:k/ (มาก), dan sebanyak 24.39 % kesalahan dalam soalan kedua yang melibatkan penggunaan kata bantu 'boleh' /dâi/ (ได้). Kedua-dua perkataan tersebut perlu diletakkan di akhir ayat seperti dalam contoh yang berikut:

Soalan ketiga

๓. ฉัน / มาก / พูด / ภาษาญี่ปุ่น / เพื่อนใหม่ / โดยปรกติ / ชอบ/

โดยปรกติเพื่อนใหม่ฉันมากชอบพูดภาษาญี่ปุ่น

(Kebiasaannya kawan baru saya sangat suka bercakap bahasa Jepun.)

Ayat yang betul strukturnya seperti di bawah:

TR:	do:y pòk tì	phûa:n mài chăn	chɔ̄:p	phûːt	pha:săː yîː pùn	mâ:k
BT:	โดยปรกติ	เพื่อนใหม่ฉัน	ชอบ	พูด	ภาษาญี่ปุ่น	มาก
TBM:	Kebiasaanya	kawan baru saya	suka	bercakap	bahasa Jepun	sangat

Soalan kedua

๒. พูด / ภาษาไทย / จีน / ยีลิน / คน / เป็น / แต่ / ได้

ยีลินเป็นคนจีนแต่ได้พูดภาษาไทย

(Yee Lin ialah orang Cina tetapi boleh bercakap bahasa Thai.)

Ayat yang betul strukturnya seperti di bawah:


BMS: Yee Lin ialah orang Cina tetapi boleh bercakap bahasa Thai

TR:	Yee Lin	pen	khon ci:n	tɛː	phûːt	pha:săː Thai	dâi
BT:	ยีลิน	เป็น	คนจีน	แต่	พูด	ภาษาไทย	ได้
TBM:	Yee Lin	ialah	orang Cina	tetapi	bercakap	bahasa Thai	boleh

Nota:

TR = tulisan roman
BT = bahasa Thai
TBM = terjemah ke dalam bahasa Melayu
BMS = bahasa Melayu standard

Daripada kajian yang dijalankan, didapati pelajar dapat menguasai kosa kata, iaitu dari segi ejaan, maksud serta dapat menyusun perkataan menjadi ayat yang betul strukturnya dalam bahasa Thai dengan baik bagi soalan satu, soalan kedua dan soalan kelima dalam Bahagian Tiga. Manakala bagi Bahagian 4 didapati pelajar dapat menguasai kesemua kosa kata dan mampu membina ayat bahasa Thai yang betul dari segi ejaan dan susunan perkataan dalam ayat mengikut strukturnya. Hal ini dapat dilihat dalam Rajah 2.



Rajah 2: Jumlah Pelajar dan Peratus Penguasaan Kosa Kata

Daripada Rajah 2 di atas, sebanyak 87.2 % pelajar dapat menguasai kosa kata yang diberi seperti perkataan kelima iaitu perkataan /phî: sǎ:w/ (พี่สาว) yang bermaksud 'kakak'. Bagi perkataan kelapan iaitu perkataan /ko:/ (ก็) yang bermaksud 'juga' didapati sebanyak 84.4 % pelajar dapat menguasainya. Begitu juga dengan perkataan kedua iaitu perkataan /mua:ng/ (เมือง) yang bermaksud 'bandar'. Didapati sebanyak 77.1 % pelajar dapat menguasai kosa kata tersebut. Seterusnya , sebanyak 69.6 % pelajar dapat menguasai perkataan keenam iaitu perkataan /sam rap/ (สำหรับ) yang bermaksud 'untuk', sebanyak 66.67 % pelajar dapat menguasai perkataan satu iaitu perkataan /to:ng/ (ต้อง) yang bermaksud 'mesti', sebanyak 53.8 % pelajar dapat menguasai perkataan keempat iaitu perkataan /rát/ (รัฐ) yang bermaksud 'negeri', dan sebanyak 52.63 % pelajar dapat menguasai perkataan ketiga iaitu perkataan /lɛ:w/ (แล้ว) yang bermaksud 'sudah', dengan baik kerana perkataan tersebut adalah perkataan yang diguna dalam kehidupan mereka. Dapatan ini menyamai dapat kajian Mahzan Arhad, (2008).

Jika dilihat dari segi kemampuan membina ayat, didapati 39 orang pelajar iaitu sebanyak 95.12 % daripada 41 orang pelajar yang memilih perkataan /phî: sǎ:w/ (พี่สาว) yang bermaksud 'kakak', manakala 34 orang pelajar (87.2%)

daripada 39 orang pelajar yang dapat menguasai dan membina ayat dengan betul dari segi ejaan dan susunan perkataan dalam ayat mengikut strukturnya seperti contoh di bawah:

phî: săːw	chăn	phûːt	phaːsăː Thai	dâi
พี่สาว	ฉัน	พูด	ภาษาไทย	ได้
Kakak	saya	Cakap	bahasa Thai	boleh

'Kakak saya boleh bercakap bahasa Thai',

phî: săːw	chăn	phûːt	phaːsăː ciːn	dâi
พี่สาว	ฉัน	พูด	ภาษาจีน	ได้
Kakak	saya	Cakap	bahasa Cina	boleh

'Kakak saya boleh bercakap bahasa Cina',

phî: săːw	chăn	phûːt	phaːsăː faràng sèːt	dâi
พี่สาว	ฉัน	พูด	ภาษาฝรั่งเศส	ได้
Kakak	saya	Cakap	bahasa Perancis	boleh

'Kakak saya boleh bercakap bahasa Perancis'

Daripada 39 orang pelajar didapati sebanyak 18 orang pelajar yang membina ayat seperti contoh di atas. Perbezaan ayat di antara pelajar ialah 'bahasa' yang digantikan dengan 'bahasa lain lain'.

Daripada perkataan /phî: săːw/ (พี่สาว) yang bermaksud 'kakak' itu, terdapat 4 orang pelajar yang membina ayat seperti contoh di bawah:

phî: săːw	chăn	Pen	khon ciːn
พี่สาว	ฉัน	เป็น	คนจีน
Kakak	saya	Ialah	orang Cina

'Kakak saya orang Cina',

phî: săːw	Mala	Pen	khon in diaː
พี่สาว	มาลา	เป็น	คนอินเดีย
Kakak	Mala	Ialah	orang India

'Kakak Mala orang India',

phî: săːw	Ali	Pen	khon ameːrikan
พี่สาว	อาลี	เป็น	คนอเมริกัน
Kakak	Ali	Ialah	orang Amerikan

'Kakak Ali orang Amerikan', dan

phî: săːw	We Lim	Pen	khon faràng sèːt
พี่สาว	เวลิม	เป็น	คนฝรั่งเศส
Kakak	saya	Ialah	orang Perancis

'Kakak We Lim orang Perancis'

Perkataan yang menjadi pilihan pelajar kedua adalah perkataan /mua:ng/ (เมือง) yang bermaksud 'bandar' iaitu sebanyak 35 orang pelajar (85.37%), tetapi yang dapat menguasai dan membina ayat dengan betul adalah seramai 27 orang pelajar (77.1%). Sekiranya dibandingkan dengan pilihan ketiga iaitu perkataan /ko:/ (ก็) yang bermaksud 'juga' didapati sebanyak 27 orang pelajar (84.4%) yang dapat menguasai dan membina ayat yang betul dari segi ejaan dan susunan perkataan dalam ayat mengikut strukturnya, seperti dalam contoh di bawah:

chăn	ko:	phû:t	pha:să: Thai	dâi
ฉัน	ก็	พูด	ภาษาไทย	ได้
saya	juga	cakap	bahasa Thai	boleh

'Saya juga boleh bercakap bahasa Thai',

Ali	ko:	phû:t	pha:să: Thai	dâi
อาลี	ก็	พูด	ภาษาไทย	ได้
Ali	juga	cakap	bahasa Thai	boleh

'Ali juga boleh bercakap bahasa Thai',

Selanjutnya, didapati seramai 12 orang pelajar yang membina ayat seperti contoh di atas. Hasil kajian mendapati perbezaan ayat antara seorang pelajar dengan pelajar lain ialah penggunaan 'subjek' telah diguna dalam ayat menjadi, 'Ali juga boleh bercakap subjek bahasa Thai'. Di samping itu, terdapat 5 orang pelajar yang membina ayat seperti contoh di bawah.

Ali	ko:	cho:p	a: hă:n Thai
อาลี	ก็	ชอบ	อาหารไทย
Ali	juga	suka	makanan Thai

'Ali juga suka makanan Thai',

Bagi perkataan /mua:ng/ (เมือง) yang bermaksud 'bandar', iaitu didapati sebanyak 27 orang pelajar (77.1 %) daripada 35 orang yang dapat menguasai dan membina ayat dengan betul. Hal ini dapat lihat dalam contoh di bawah:

chăn	Cà	pai	thiâ:w	thî:	mua:ng	Kuantan
ฉัน	จะ	ไป	เที่ยว	ที่	เมือง	กวนตัน
saya	akan	pergi	bersia-sia	ke	bandar	Kuantan

'Saya akan pergi ke bandar Kuantan'

chăn	Cà	pai	thiâ:w	thî:	mua:ng	Melaka
ฉัน	จะ	ไป	เที่ยว	ที่	เมือง	มะละกา
saya	akan	pergi	bersia-sia	ke	bandar	Melaka

'Saya akan pergi ke bandar Melaka',

chăn	Cà	pai	thiâ:w	thî:	mua:ng	Kota Bharu
ฉัน	จะ	ไป	เที่ยว	ที่	เมือง	โกตาบารู
saya	akan	pergi	bersia-sia	ke	bandar	Kota Bharu

'Saya akan pergi ke bandar Kota Bharu'

Dalam ayat seperti contoh di atas, didapati sebanyak 17 orang pelajar yang membina ayat seperti itu manakala seramai 5 orang pelajar yang membina ayat seperti contoh di bawah.

Chăn	ma: cà:k	mua:ng	Kota Bharu
ฉัน	มาจาก	เมือง	โกตาบารู
Saya	berasal dari	bandar	Kota Bharu

'Saya berasal dari bandar Kota Bharu',

Chăn	ma: cà:k	mua:ng	Kangar
ฉัน	มาจาก	เมือง	กังงาร์
Saya	berasal dari	bandar	Kangar

'Saya berasal dari bandar Kangar',

Chăn	ma: cà:k	mua:ng	Ipoh
ฉัน	มาจาก	เมือง	อีโปห์
Saya	berasal dari	bandar	Ipoh

'Saya berasal dari bandar Ipoh'

Sebagai rumusan, daripada perkataan yang diberi, didapati pelajar dapat membina berbagai-bagai ayat dengan menggunakan perkataan-perkataan yang mudah. Hal ni selari dengan penyataan Hashim Fauzy Yaacob (1997) yang menyatakan apa-apa juga bentuk komunikasi yang menggunakan tulisan, ia harus mudah, jelas, dan tidak terlalu panjang. Penguasaan kosa kata yang meluas akan menjadi salah satu aspek yang penting dalam pemerolehan bahasa, kerana semakin banyak kosa kata diperoleh dan dikuasai oleh seseorang itu, semakin berkemampuan dan berkeupayaan seseorang itu dalam mengungkapkan perkara yang hendak diungkapkannya dengan berkesan dan meyakinkan (S. Nathesan: 1999)

Implikasi Dapatan Kajian

Kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar yang belajar bahasa Thai sebagai bahasa asing adalah berpunca daripada kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa bahasa Thai, manakala pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa pertama telah menimbulkan kekeliruan kepada pelajar untuk menghasilkan ayat yang betul, sekali gus menyebabkan pelajar melakukan kesalahan dalam pembentukan stuktur ayat bahasa Thai. Kesilapan dalam pembentukan stuktur ayat bahasa Thai bukanlah disebabkan pelajar itu tidak cekap atau tidak dapat membentuk stuktur ayat bahasa Thai tetapi adalah berpunca daripada tindakan pelajar melakukan pertukaran, pengalihan atau penghilangan sesuatu bahagian aspek bahasa Thai seperti perkataan atau rangkai kata sehingga menyebabkan ayat yang dihasilkan mengandungi kesalahan tatabahasa. Selain itu, kesilapan bahasa juga diakibatkan oleh kekurangan pengetahuan pelajar tentang aspek tatabahasa bahasa Thai sebagai bahasa asing dan hal ini merupakan penyimpangan sistematik yang sering terjadi ekoran pengetahuan pelajar yang tidak mantap tentang aspek tatabahasa bahasa asing yang dipelajari. Kesilapan begini bukan sahaja dapat dikesan dari segi penggunaan perkataan tetapi juga dari segi struktur frasa dan ayatnya.

4. Kesimpulan

Kajian mendapati tahap penguasaan kosa kata dan kemampuan pembentukan struktur ayat bahasa Thai adalah pada tahap baik. Dalam pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing di UPM, didapati pengaruh bahasa pertama pelajar turut mempengaruhi pembentukan ayat bahasa Thai dalam kalangan pelajar. Justeru pelajar sering keliru dan membuat kesalahan dan kesilapan. Selain itu terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Thai yang jarang diguna

dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian pendekatan pengajaran dan pembelajaran, serta alat bantu yang berkesan perlu diaplikasi oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing. Dengan adanya perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Thai yang berkesan, penguasaan bahasa Thai dapat ditingkatkan bagi membolehkan pelajar mengguna sejumlah perkataan tersebut untuk menggambarkan dan menyampaikan idea atau mesej dalam ayat bahasa Thai yang betul strukturnya dan gramatis.

Rujukan

Abdul Hamid Mahmood, (1990). *Penguasaan Bahasa Malaysia Baku di Kalangan Pelajar-pelajar*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Angkara Bunthip, (1991). *lak pha sa Thai sam rap khru mat tha mum suk sa*: Bangkok: Odeons Stone.

Asim Gunarwan,(2001). *Kedudukan dan fungsi Bahasa asing dalam Era Globalisasi*. *Dewan Bahasa*: Bil 1 Jilid 1.

Bell, Roger T.(1981). *An Introduction to Applied Linguistics.* London: B.T. Batsford Ltd.

Duangmon Citcamnong dan Aphaphan Wanchoti, (1993). *Raksana Somkhan Phasa Thai.* Songkha: Thet Kan Phim.

Ekkachan Carumetichon. (1993). *Phasa Samrap Khru*. Bangkok. O. S Printing House.

Mohd Fauzi Hj. Kamaruddin et. Al.. (2008). Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan Staf Akademik di Sebuah Universiti Teknikal. *Prosiding Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) Jilid 1*. Melaka: Penerbitan Universiti Teknikal Kejuruteraan Malaysia.

Ida Bagus Putrayasa. (2007). *Analisis Kalimat (Fungsi, Kategori, dan Peran)*. Banduang: PT Refika Aditama.

Ishak Haron & Koh Boh Bon, (1982). *Asas-asas dalam Amalan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Jamian Mohamad. (2000). *Analisis Kesilapan Penggunaan Kata Kerja Dalam Bahasa Portugis Di Kalangan Pelajar Universiti Malaya* . (M.M.L.S.), Universiti Malaya.

Kamaruddin Husin, (1986). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. : Sarjana: Subang Jaya.

Mohamad Ziyad bin Mukhtar dan Izuddin bin Muhammed (2012). *Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar PPISMP GSTT-PAI: Satu Kajian Kes.* Sabah: Institusi Pendidikan Kampus Pendidikan Islam.

Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil 22*, 167-172.

Norizan Che Su & Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2011). *Kesalahan Penggunaan Bahasa Thai* Jurnal Linguistik Jiliid 13. Selangor.

Norizan Che Su, (2011). *Ayat Tanya dalam Bahasa Thai dan Bahasa Melayu: Satu Perbandingan* Jurnal Linguistik Jiliid 13. Selangor.

Norizan Che Su. (2009). *Analisis Kontrastif Sintaksis Bahasa Melayu dan Bahasa Thai*. Tesis Doktor Falsafah, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Solahuddin Samaun dan Hasnida Samaun. (2010). Penguasaan Bahasa Melayu di Sekolah Agama Rakyat: Kajian Kes Santun, Thailand. Dlm. Ambigapathy Pandian (Ed.), *Pancadimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Trend dan Amalan* (hlm.82-99). Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.